



Anwar bersama pemimpin ASEAN termasuk Timor-Leste bergambar selepas Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di KLCC, semalam. (Foto BERNAMA)

'Pertahanan sistem multilateralisme'

BERITA HARIAN 27 MAY 2025

m/s: 2

Langkah penting bentuk masa depan inklusif depanti cabaran global

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, sistem multilateralisme perlu dipertahan dengan memastikan model geoekonomi ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC)-China terus memainkan peranan lebih bermakna.

Perdana Menteri berkata, perkara itu amat penting dalam membentuk masa depan yang lebih inklusif serta mampan bagi mendepani cabaran global secara kolektif.

"Dalam hal ini, usaha kita mengadakan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China yang pertama, menunjukkan niat baik dan membolehkan kita memperluaskan kerjasama serta bertindak dengan strategik lebih jelas.

"Saya percaya bahawa sidang kemuncak trilateral ini mencerminkan kejayaan dalam membentuk semula kerjasama yang selari dengan realiti masa kini," katanya dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang bermula di sini, semalam.

Anwar berkata, model geoekonomi ASEAN-GCC-China memainkan peranan penting dalam memperkukuh rangkaian kerjasama strategik di antara tiga wilayah utama dunia, sekali gus memberi impak positif kepada kestabilan dan pertumbuhan global.

Jelasnya, ia melambangkan kekuatan perpaduan blok serantau yang sudah pasti akan memberi impak positif kepada dunia secara keseluruhan.



**ASEAN
MALAYSIA 2025**
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY

Pertumbuhan saksama

Dalam ucapan sama, Anwar menegaskan, prinsip untuk memastikan pertumbuhan yang saksama, mampan dan daya tahan yang berkekalan mesti terus disematkan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menghargai sokongan semua pihak dalam memastikan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN terus komited dalam memajukan visi bersama ini.

"Atas semangat inilah Malaysia selaku Pengerusi tahun ini, memperjuangkan tema 'Keterangkuman dan Kelestarian'. Ia adalah cadangan strategik dan dipacu nilai.

"Ia bercakap bukan saja kepada aspirasi kita, tetapi juga kepada kewajipan kita. Ia bersandarkan pada keyakinan bahawa masa depan ASEAN mesti bergantung pada tonggak bersama iaitu pertumbuhan yang saksama, mampan dan daya tahan yang berkekalan," katanya.

Anwar turut menyatakan penghargaan atas sokongan semua pemimpin ASEAN dalam memastikan Kepengerusian Malaysia

memacu Visi Komuniti ASEAN 2045, yang akan dilancarkan.

Pemimpin ASEAN yang hadir terdiri daripada Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Indonesia, Prabowo Subianto; Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet; Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone; Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh; Perdana Menteri Filipina, Ferdinand Marcos Jr; Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong dan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Yang hadir sama, Perdana Menteri Timor-Leste, Xanana Gusmao, sebagai pemerhati dan Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Hourn.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, menjelaskan yang Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China yang berlangsung hari ini dijangka merangka strategi baharu dalam perdagangan, pembangunan infrastruktur mampan serta digitalisasi rantau.

Beliau berkata, sidang kemuncak trilateral yang pertama kali diperkenalkan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, turut bertujuan memperkukuh kerjasama ekonomi tiga hala antara ASEAN, GCC dan China.

Katanya, sidang ini penting mengambil kira peranan China yang menjadi rakan dagang terbesar ASEAN.

"ASEAN kini adalah ekonomi kelima terbesar dunia dengan jumlah KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) AS\$3.8 trilion (RM15.98 trilion), manakala China kekal sebagai rakan dagang terbesar ASEAN dengan jumlah dagangan dua hala berjumlah AS\$696.7 bilion (RM2.9 trilion)," katanya.